



KENYATAAN MEDIA

KUARTERS POLIS SENTUL DIROBOHKAN UNTUK LALUAN MRT SSP, PENGHUNI BAKAL TERIMA UNIT BARU

KUALA LUMPUR, 26 September 2017: Seramai 270 keluarga yang menetap di Kwarters Polis Sentul yang berusia 40 tahun bakal dipindahkan ke pangsapuri baru yang lengkap dengan kemudahan moden kerana kuarters tersebut akan dirobohkan bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Kwarters lama yang terdiri daripada dua blok 16 tingkat bakal dirobohkan kerana asas tapak kuarters tersebut menghalang laluan terowong Laluan SSP.

Ketika taklimat media yang dianjurkan oleh Pemilik Projek Laluan SSP Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Kontraktor Bawah Tanah Laluan SSP MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) berlangsung di tapak perobohan, Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris berkata proses perobohan ini mengikut piawaian keselamatan yang tertinggi.

"Kerja perobohan dilakukan oleh sub-kontraktor yang merupakan pakar perobohan, dan dipantau oleh MRT Corp serta kontraktor kerja bawah tanah kami.

"Proses tersebut dilakukan dengan kawalan yang sangat ketat, bermula dari peringkat perancangan di mana analisis struktur terperinci telah dilakukan untuk menentukan proses perobohan yang paling selamat, serta untuk mengekalkan kestabilan struktur ketika proses perobohan sedang dijalankan," katanya.

Tambah beliau kerja perobohan di kawasan itu bermula pada Jun 2017 dan akan selesai menjelang Disember 2017.



Amiruddin berkata 270 keluarga yang menetap di kuarters itu kini ditempatkan sementara di pangsapuri Teratai Residence di Setapak sementara menunggu kuarters polis yang baharu di Taman Keramat AU1 disiapkan. Kuarters baharu itu akan siap pada Disember 2018.

Ketika menjelaskan tentang proses perobohan dengan lebih terperinci, Ketua Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar MGKT Encik Chris Fenton berkata dua kaedah telah digunakan untuk merobohkan bangunan.

Bagi tiga lantai teratas, bangunan itu dipotong menggunakan pemotong berlian dan diturunkan oleh kren. Setiap bahagian potongan adalah seberat 30 tan. Setelah tiga lantai teratas dirobuhkan, jentera penghancur pula digunakan untuk merobohkan lantai lain.

“Kaedah itu selamat dan efisien dari segi masa dan kos. Jentera penghancur lengan panjang mempunyai ciri seperti rahang yang membuka dan meraut struktur bangunan dari atas sedikit demi sedikit dan menghancurkannya ke bahagian lebih kecil, sebelum bahagian itu dijatuhkan ke kawasan penjatuhan yang ditetapkan, di mana kawasan itu dianggap sebagai platform yang selamat. Sekiranya diperlukan, bahagian itu akan dihancurkan lagi untuk menjadi bahagian yang lebih kecil sebelum dialihkan,” katanya.

Tambah Fenton, untuk kawalan debu, air disembur dari atas jentera penghancur dan semburan dilakukan serentak ketika proses meraut dan menghancurkan dilakukan. Selain dari itu, kawalan bunyi dan getaran turut dilakukan untuk memastikan kerja-kerja perobohan berada dalam lingkungan had peraturan Jabatan Alam Sekitar.

Bagi mengelakkan serpihan terlempar keluar dari kawasan kerja, Fenton berkata tirai skrin telah dipasang untuk memastikan orang ramai dan bangunan berhampiran dilindungi dari serpihan yang berlayangan.

Mengenai penempatan semula bagi 270 keluarga yang menetap di kuarters lama, Pengurus Besar MGKT Encik Mohd Fuad Kamal Ariffin berkata proses pemindahan dibantu sepenuhnya.

“Kawasan perumahan sementara mereka dibiayai oleh Projek dan mereka diberi bantuan seperti bas sekolah untuk anak-anak ke sekolah yang mereka sudah hadiri,” katanya.



Menurut Fuad, kuarters baru adalah lebih luas di mana ia mempunyai tiga bilik tidur dengan keluasan 120 meter. Tambah beliau, pangsapuri baru akan mempunyai wajah moden dengan pelbagai kemudahan seperti surau, kedai, tadika dan dewan komuniti.

Mengenai pembinaan Laluan SSP, Amiruddin berkata kemajuan bagi keseluruhan pembinaan adalah 13.7%, dan menepati jadual. Khusus bagi bahagian bawah tanah, kemajuan adalah di tahap 16.1%.

Menurut beliau, kerja mengorek terowong dijangka akan bermula pada suku pertama tahun hadapan.

“Kini, persediaan ke arah pelancaran mesin pengorek terowong (TBM) sedang dijalankan. Kerja membaik pulih lapan TBM yang dahulunya digunakan untuk Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang telah hampir selesai, dan TBM ini akan dihantar ke tapak-tapak pembinaan bermula hujung tahun ini,” kata Amiruddin.

Tambah beliau, empat TBM yang baru telah diperoleh oleh MGKT. Dua daripada empat TBM tersebut telah lulus ujian penerimaan kilang dan akan dihantar ke Malaysia pada hujung tahun ini, dan awal tahun hadapan. Dua TBM yang lain dijangka siap untuk ujian penerimaan kilang menjelang Disember tahun ini dan Januari tahun hadapan.

Bagi bahagian stesen bertingkat, Amiruddin berkata bahawa pembinaan berjalan dengan lancar dan kini telah selesai sebanyak 11.1%.

Beliau berkata bahawa pembinaan jejambat MRT telah bermula sejak akhir bulan Julai di Pakej Kerja V202 dan sehingga kini, dua rentangan jejambat telah siap.

“Gantri-gantri pelancar telah dihantar ke tapak pembinaan di Pakej Kerja V201 dan V203 di mana mereka sedang dipasang. Setelah proses pemasangan selesai, pembinaan jejambat akan dimulakan,” kata beliau.

